


A Pilih kata nama yang paling sesuai. Membaca : TP4

1 Ayah membaca surat khabar _____ di ruang tamu selepas balik dari pejabat.

- A Dewan Masyarakat
- B Majalah Didik
- C Utusan Malaysia
- D Kamus Dewan

2 Beberapa ekor _____ bergayut pada pokok kelapa itu.

- A lipas
- B monyet
- C beruang
- D harimau



3 Negeri yang paling besar di Malaysia ialah negeri _____.


- A Pahang
- B Sarawak
- C Perak
- D Sabah

4 _____ ialah seorang usahawan berjaya. Beliau telah menderma wang untuk membina sebuah balai raya di kampung itu.

- A Cikgu Khairi
- B Inspektor Mazlan
- C Doktor Gan
- D Datuk Lim

5 Bunga mawar mempunyai _____ yang tajam.

- A batang
- B akar
- C buah
- D duri



6 Murid-murid sedang bersenam di _____ bersama Cikgu Kumar.

- A kilang
- B padang
- C makmal
- D perpustakaan

7 Rui Fen sekeluarga melancong ke _____ dengan menaiki kapal terbang pada cuti sekolah yang lalu.

- A Pulau Langkawi
- B Proton X50
- C Klinik Lim
- D Dewan Bahagia

8 Ayah menghadiahkan Janice sebuah _____ bimbit sempena hari jadinya.

- A telefon
- B kamus
- C kasut
- D jam